

Bahaya *lidah* tak bertulang

■ Kata-kata nista dikuasai nafsu hanya akan lukakan sanubari

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

Manusia diberikan kebebasan untuk bercakap dan berbuat sesuatu. Namun, setiap tindakan tidak terlepas begitu saja. Semuanya akan dihitung serta diperlihatkan dengan seadil-adilnya.

Firman Allah dalam surah al-Zalzalah, ayat 7 dan 8 bermaksud: "Sesiapa yang mengerjakan kebajikan seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan sesiapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya."

Percakapan ataupun tutur kata adalah antara perlakuan yang sukar untuk dikawal oleh manusia. Dengan anugerah dikurniakan Allah, manusia berupaya untuk menukarkan apa-apa saja mengikut dorongan hati, nafsu dan akal.

Malah, tanpa iman, kata-kata yang dikuasai oleh nafsu akan sentiasa membasahi lidah.

Hakikatnya, dengan kata-kata pelbagai perkara boleh terjadi serta mampu mengubah sesuatu keadaan sama ada kepada yang baik atau sebaliknya.

Keadaan saling menghina dan mengeluarkan perkataan kesat, perselisihan faham, keruntuhan institusi kekeluargaan dan keruntuhan moral dalam kalangan remaja semuanya berpunca daripada lidah yang gagal dikawal.

Apabila demikian akan ada yang menghamburkan pelbagai bentuk perkataan tidak wajar pada tempatnya.

Sebagai manusia yang sentiasa sedar akan tujuan penciptaannya di dunia, kita haruslah sentiasa ingat bahawa setiap yang kita tuturkan tidak terlepas daripada catatan ma-



KANAK-KANAK perlu dididik dari kecil supaya sentiasa tertib jaga tutur kata.

FAKTA
Antara ciri hamba-Nya yang cemerlang adalah mereka mendapat gelaran 'ibad ar-Rahman' iaitu mereka yang baik tutur katanya

reka tidak membalasnya melainkan dengan ucapan yang baik.

Inilah suatu keadaan yang mungkin bagi kita berasa sukar untuk mempraktikkannya.

Namun, bagi mereka yang betul-betul memiliki ciri keperibadian mulia, ia sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan.

Firman-Nya dalam surah al-Furqan, ayat 63 bermaksud, "Dan hamba-hamba Tuhan yang Maha Nyayang itu ialah orang-orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata yang baik."

Tidak dinafikan, meskipun tutur kata yang digunakan indah dan baik, tetapi barangkali ia tidak sesuai dilafazkan pada tempatnya, maka ia juga boleh membawa kepada konflik dalam hubungan sesama manusia.

Dengan kata lain, bahasa yang digunakan haruslah sesuai dengan keadaan dan adat kelaziman pendengar.

Hal ini perlu diberi perhatian lebih-lebih lagi di negara yang memiliki pelbagai jenis bahasa dan budaya.

Menyedari hakikat ini, marilah sama-sama kita mengubah diri dengan sentiasa menjaga tutur kata agar ia tidak menyumbang kepada tercetusnya pelbagai bentuk masalah.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA)

laikat yang sentiasa memerhati setiap gerak-geri kita.

Firman Allah dalam surah Qaf, ayat 18 bermaksud: "Tiada suatu ucapan pun yang diucapkan melainkan ada di sampingnya malaikat pengawas yang selalu hadir."

Ucapan yang baik dapat memberi kesan yang amat mendalam di dalam diri pendengarnya. Dalam bidang dakwah misalnya, dengan hanya menggunakan kata-kata yang baik dan benar, ramai akan terpicak dengan keindahan dan kebenaran Islam.

Ini kerana Islam adalah agama fitrah yang ajarannya tidak ber-

tentangan dengan naluri manusia.

Hal ini amat jelas apabila Allah memerintah Nabi Musa dan Nabi Harun AS untuk menemui Firaun sebagai satu cara menyerunya kepada jalan Allah.

Lalu diperintahkan kedua-duanya menuturkan perkataan baik, bukannya dengan angkuh dan bermegah-megah.

Firman-Nya dalam surah Thaha, ayat 43 dan 44 bermaksud: "Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampaui batas. Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mu-

dah-mudahan dia ingat atau takut."

Begitulah pentingnya kata-kata yang baik dan benar dalam proses dakwah. Keadaan ini bukan saja akan mencerminkan peribadi pendakwah yang cemerlang dan beretika, malah lebih besar daripada itu mencerminkan keindahan Islam sebagai agama yang bersifat toleransi dan mulia.

Selain itu, Allah menyatakan antara ciri hamba-Nya yang cemerlang adalah mereka mendapat gelaran 'ibad ar-Rahman' iaitu mereka yang baik tutur katanya.

Mereka yang apabila dihina atau dicerca oleh orang yang jahil, me-